

# **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984: Sejauhmana Ia Bertepatan Dengan Maqasid Syariah**

**(Cosmetic and Drug Control Regulations 1984: To What Extent It Is in Conformity with the Objectives of Syariah)**

Wan Siti Norjannah W Sulong  
Abdul Basir Mohamad  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
wsnjannah12@gmail.com

## **Abstract**

Pengawalan pengeluaran produk kosmetik dikawal oleh Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Oleh itu, proses pengeluaran sebarang produk kosmetik semestinya melalui peraturan ini untuk menjamin keselamatan masyarakat. Pada hari ini, terdapat pelbagai jenama produk kosmetik yang dijual dalam pasaran bagi memenuhi kehendak pelanggan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 adakah ia menepati maqasid syariah. Apabila dilihat dari sudut maqasid syariah, adakah peraturan ini menepati maqasid syariah berteraskan *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt* bagi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengkaji konsep maqasid syariah dalam Islam. Seterusnya mengkaji produk kosmetik adakah ia mengikut Peraturan Kosmetik 1984 serta menganalisis maqasid syariah dalam Peraturan Kosmetik 1984. Metode kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data berdasarkan metode deskriptif. Hasil kajian mendapati penguatkuasaan Peraturan Kosmetik 1984 menepati maqasid syariah dalam pengawalan produk kosmetik di pasaran. Di samping itu, hasil kajian juga mendapati peraturan ini menepati konsep *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt* dalam maqasid syariah dari sudut pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Akhirnya dapat dikatakan bahawa Peraturan Kosmetik 1984 adalah selari dengan kehendak maqasid syariah kerana penguatkuasaannya bagi menjaga keselamatan dan kesihatan pengguna produk kosmetik daripada sebarang kemudaran.

**Kata kunci:** Peraturan, Produk Kosmetik, Maqasid Syariah

## **Abstract**

The control of the production of cosmetic products is regulated by the Cosmetic and Drug Control Regulations 1984. Therefore, the production process of any cosmetic product is necessarily monitored by this regulation to ensure the safety for consumers. Nowadays, there are various brands of cosmetic products that are sold in the market to meet customers' needs. This study was conducted to identify the Cosmetic and Drug Control Regulations 1984 whether it meets the objectives of syariah. When it is reviewed from the objectives of syariah perspective, does this Regulations conform to objectives of syariah based on *darūriyyāt*, *hājiyyāt* and *taḥsiniyyāt* in terms of preserving religion, life, intellect, ancestry and wealth. Thus, the objective

of this study is to study the concept of objectives of syariah in Islam. Next to study the cosmetic products whether they are compliant to the Cosmetic Regulations 1984, as well as to analyze the elements of objectives of syariah in the Cosmetic Regulations 1984. This research uses qualitative method by using method of data collecting and data analysis based on descriptive method. The findings of the study found that the enforcement of the Cosmetic Regulations 1984 is consistent with the objectives of syariah in effort to control the cosmetic products in the market. In addition, the findings also found that this Cosmetic Regulations is in conformity with the concept of *darūriyyāt*, *hājiyyāt* and *taḥsiniyyāt* in the objectives of syariah from the point of preservation of religion, life, intellect, ancestry and wealth. It can be said that the Cosmetic Regulations 1984 is in line with the objectives of syariah because its enforcement to safeguard and protect the safety and health of cosmetic consumers from any harm.

**Keywords:** Regulations, Cosmetic Products, Objectives of Syariah

## Pengenalan

### Maqasid Syariah Menurut Islam

Matlamat umum syariah adalah untuk menjaga kemaslahatan sama ada daripada keperluan, kepentingan dan kesejahteraan manusia serta mencegah dan membanteras kerosakan yang membawa kepada kehancuran dalam kehidupan (Aznan 2012). Menurut Arif (2011) bersesuaian dengan prinsip syariah yang bersifat syumul, maka wahyu yang diturunkan melalui dua sumbernya yang *muqaddas* iaitu al-Quran dan al-Sunnah memberi panduan kepada manusia daripada semua aspek kehidupan agar mereka dapat menjalani kehidupan di atas muka bumi ini dengan sebaik-baiknya. Islam merupakan agama rahmat untuk sekalian alam (*rahmatan li al ‘alamin*) sebagaimana yang termaktub dalam firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” Surah al-Anbiya“ (21): 107.

Sejajar dengan itu, maqasid syariah terdapat dalam semua bidang termasuk soal aqidah, ibadah, muamalat dan sebagainya. Dengan itu, Islam telah meletakkan garis panduan yang sewajarnya agar maqasid (objektif) yang dikehendaki oleh syariah dapat mewujudkan kehidupan yang sempurna kepada manusia agar dapat dicapai dan direalisasikan (Nora’inan, Ahmad Hidayat 2016).

Maqasid syariah atau *maqasid al-shari‘ah* yang berasal dari perkataan *qaṣada* dalam bahasa Arab yang diungkapkan kepada *maqṣad* sebagai *ism mufrad maṣdar mimi* bermakna kehendak dan maksud. *Maqṣid* sebagai *ism makān* bermaksud tempat *qaṣad* atau niat dan kata jamaknya adalah *maqāṣid*. Pengertian *maqasid al-shari‘ah* boleh diterjemahkan sebagai tujuan, objektif,

maksud, kehendak dan matlamat syariah yang menjadi landasan teori sesuatu hukum ( Nor'inan dan Ahmad Hidayat 2016). *Maqasid al-shari'ah* bertujuan untuk menjaga sistem kehidupan dan mengawal kelakuan manusia agar tidak terjerumus dalam kemudaratatan dengan menghasilkan kebaikan atau kemaslahatan dan menolak keburukan (Mohd Akram et.al 2016).

Al-Zuhayli (2005) menyatakan takrifan maqasid syariah adalah sesuatu makna dan matlamat yang diperhatikan di sebalik sebahagian atau kebanyakan hukum syarak yang dimaksudkan sebagai objektif syariah dan hikmah yang Allah SWT tentukan pada setiap hukum hakam yang terdapat dalam syariah. Manakala, al-Raysuni (2014) berpendapat maqasid syariah adalah tujuan-tujuan yang terdapat di sebalik syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.

Maka dengan itu, tujuan pensyariatatan hukum bagi menjaga kemaslahatan manusia dan menjauhi kemudaratatan dengan menekankan lima aspek penting pemeliharaan (*daruriyyat al-khams*) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap perkara yang dapat memelihara kepada kelima-lima aspek ini merupakan kebaikan (*maslahah*) dan yang mengabaikannya adalah keburukan (*mafsadah*) serta menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maslahah* (Norhanani et.al 2016).

Firman Allah SWT tentang maqasid syariah ialah:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُنِيبَكُمْ عَلَيْهِمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (menyucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Mā'idah, 5: 6)

Berdasarkan kepada definisi yang dinyatakan secara umumnya dapat difahami maqasid syariah adalah sesuatu yang membahaskan kepada tujuan pensyariatatan atau pun objektif pensyariatatan kepada manusia. Dengan itu, maqasid syariah merupakan suatu tujuan, objektif, matlamat, hikmah dan rahsia untuk penepatan sesuatu hukum syarak. Maqasid syariah yang utama adalah didapati bahawa tujuannya untuk menjamin manfaat dan *maṣlahah* kepada manusia serta melindungi manusia daripada kemudaratatan dan kerosakan. Perkara ini disebut sebagai penjagaan *al-darūriyyāt al-khams* yang mengandungi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## **Kaedah**

### **Isu Kosmetik**

Penggunaan kosmetik bagi wanita adalah untuk menyempurnakan penampilan diri yang bermula dari sejak berabad lamanya. Sejarah penggunaan kosmetik telah dikesan pada seawal tahun 4000 sebelum Masihi oleh masyarakat Mesir Purba, Greek dan Rom purba. Terdapat bahan yang dilarang kerana memudaratkan kesihatan seperti merkuri dan logam berbahaya. Menjelang pada

pertengahan abad ke-20, kosmetik hampir digunakan oleh seluruh golongan masyarakat dunia. Masyarakat Malaysia bermula dengan penggunaan kosmetik seperti beras pulut sebagai penjagaan muka. Beras pulut merupakan bahan utama dalam pengeluaran bedak sejuk. Penggunaan kosmetik tidak terhad kepada wanita sahaja malah berkembang kepada kaum lelaki dalam aspek penjagaan kulit wajah agar tampak bersih ( Norliza 2014).

Di Malaysia, kawalan produk kosmetik dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Jika terdapat syarikat yang ingin memasarkan produk kosmetik di Malaysia perlu mematuhi keperluan Garis Panduan Kawalan Produk Kosmetik. Sistem notifikasi kosmetik di Malaysia dilaksanakan pada tahun 2008, proses kawalan terhadap produk kosmetik telah bertukar dari Sistem Pendaftaran kepada Sistem NOTIFIKASI. Sistem ini untuk keselarasan dengan sistem harmonisasi regulasi kosmetik yang telah diamalkan oleh semua negara ASEAN. Melalui sistem notifikasi, pihak syarikat perlu membuat notifikasi kepada pihak Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) terlebih dahulu sebelum produk kosmetik tersebut boleh diimport, dikilangkan atau dipasarkan di Malaysia. Produk kosmetik yang telah dinotifikasi akan diberikan Nombor Notifikasi (NOT) sebagai bukti produk kosmetik tersebut telah bernotifikasi dengan pihak NPRA.


Oleh kerana itu, pendaftaran bagi produk farmasi, tradisional dan notifikasi untuk kosmetik adalah penting untuk menentukan bahan yang terkandung atau produk tersebut selamat untuk digunakan. Kawalan kosmetik di Malaysia berpandukan kepada Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 di bawah penyeliaan Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) (Kausar Ahmad 2015).

Sehubungan itu, pengawalan produk kosmetik dikawal oleh Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Produk kosmetik dikehendaki mendapatkan nombor notifikasi daripada NPRA untuk memasarkan di pasaran. Ini kerana terdapat isu mengenai keselamatan produk-produk kosmetik yang menjadi perhatian masyarakat apabila berlaku kepada pengguna yang mengalami kesakitan, kecederaan dan kematian akibat daripada penggunaan produk yang berbahaya dan berisiko. Keperluan untuk mendapatkan nombor notifikasi ini untuk mengelak perkara-perkara yang membawa kepada kemudaratan. Oleh itu, Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 diperlukan untuk melindungi keselamatan masyarakat khususnya kepada para pengguna produk kosmetik.

Menurut keratan Akhbar Berita Harian (2015, 2016), terdapat produk kosmetik yang dibatalkan notifikasi dengan alasan isu bahan campuran palsu dan pengguna dinasihatkan untuk mengelak dari menggunakan produk kosmetik yang dikesan mengandungi racun berjadual kerana membahayakan diri pengguna. Pengguna harus mengelak dari menggunakan produk kosmetik yang dikesan mengandungi racun yang berjadual seperti merkuri kerana ia mengandungi logam merkuri yang berat di dalam produk tersebut. Agensi Regulatori Farmasi Negara telah mengambil langkah proaktif untuk menyekat daripada diberikan nombor notifikasi kepada mana-mana produk yang mengandungi bahan yang terlarang seperti hidrokuinon (Metro 2017)

Oleh sebab itu, bilangan penolakan telah meningkat sebanyak 35.5% dalam tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. Terdapat notifikasi kosmetik yang dikemukakan telah ditolak pada tahun 2015 iaitu sejumlah 756, manakala sebanyak 622 (82.3%) ditolak kerana formulasi tidak menepati garis panduan dan sebanyak 100 permohonan (13.2%) kerana produk itu tidak

dikelaskan sebagai kosmetik dan 34 (4.5%) atas sebab-sebab lain seperti dalam Rajah 1 (Agensi Regulatori Farmasi Negara 2015).



Rajah 1: Penolakan Notifikasi Kosmetik (2015)

Menurut keratan akhbar Berita Harian (2016) kawalan kosmetik di Malaysia menasihati orang ramai supaya lebih berhati-hati dalam pemilihan membeli sesuatu produk kosmetik dan memastikan pembelian produk dari sumber-sumber yang dipercayai. Terdapat pelbagai produk kosmetik yang berada di pasaran sekarang dan pemilihan produk kosmetik mestilah yang betul agar tidak terpedaya dengan iklan-iklan yang disiarkan oleh media cetak dan media elektronik. Tuntutan yang menunjukkan produk itu memberi kesan perubahan dalam masa yang singkat sedangkan kebiasaan produk kosmetik memerlukan masa untuk menunjukkan kesan penggunaannya. Perubahan secara ketara dalam tempoh yang singkat boleh diketahui dengan kehadiran bahan-bahan yang disyaki seperti hidrokuinon dan merkuri dalam produk.

Oleh kerana itu, penjualan produk kosmetik yang beracun dan ubat yang tidak berdaftar dijual kepada pelanggan kerana keinginan untuk meraih pendapatan lumayan. Penjualan itu dinasihati supaya menghentikan penjualan dan pengedaran tersebut kerana pemilikan produk tersebut telah melanggar Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (Berita Sinar 2013). Ini kerana produk kosmetik yang tidak bernetifikasi akan membawa risiko kerana bahan yang terdapat dalam produk berkenaan tidak dapat dikenal pasti atau disahkan dari segi kualiti dan keselamatannya (Berita Harian 2013)

Kepentingan dalam mengetahui bahan campuran dalam sesuatu produk kosmetik amat penting supaya dapat terhindar dari perkara yang boleh memberi kesan buruk dengan melihat pada dua sudut, iaitu kesihatan dan penggunaannya. Penggunaan produk kosmetik yang tidak diketahui bahan kandungan akan menyebabkan kemudaratan yang berlaku. Jika terdapat keraguan dalam sediaan bahan kosmetik maka hendaklah merujuk kepada Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 berpandukan kepada Garis Panduan Kawalan Kosmetik di Malaysia.

Daripada perbincangan dan maklumat yang dinyatakan di atas, timbul persoalan, adakah Peraturan-peraturan Kosmetik 1984 ini bertepatan dengan prinsip maqasid syariah, adakah dalam Peraturan ini terkandung elemen maqasid syariah dan sejauh manakah Peraturan itu bertepatan dengan konsep maqasid syariah.

## Keputusan dan perbincangan

### Hasil Isu Produk Kosmetik

Hasil kajian mendapati penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 menepati maqasid syariah dalam pengawalan produk kosmetik di pasaran. Di samping itu, hasil kajian juga mendapati peraturan ini menepati konsep *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt* dalam maqasid syariah dari sudut pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Hasil yang didapati adalah kandungan yang terdapat dalam produk-produk kosmetik yang dikesan sebagai bahan terlarang tidak dibenarkan dalam produk kosmetik. Ini menunjukkan keselamatan daripada bahan-bahan yang terlarang menepati konsep maqasid syariah.

### Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984

Peraturan ini berkait rapat dengan Garis Panduan Kawalan Kosmetik di Malaysia. Maka sebarang produk kosmetik yang ingin dipasarkan untuk berada di pasaran mestilah mengikuti Garis Panduan Kawalan Kosmetik. Jika tidak, akan dikenakan hukuman atas kesalahan yang dilakukan. Menurut Laporan Tahunan (2015) tindakan regulatori akan dikenakan apabila sesuatu produk yang gagal ujian makmal. Tindakan yang dikenakan berdasarkan kepada tahap kegagalan dan terdapat risiko yang membawa kepada mudarat. Maka tindakan yang diambil seperti pengeluaran surat amaran, arahan panggil balik produk, penggantungan atau pembatalan pendaftaran produk atau notifikasi produk kosmetik. Perkiraan sejumlah 59 arahan panggil balik pada tahun 2015 kerana isu-isu kualiti dan lebih kurang 76% produk yang dipanggil balik adalah produk semula jadi yang berpunca daripada kegagalan ujian had mikrob, ujian logam berat dan produk dicampur bahan palsu.

Pada tahun 2015, NPRA telah mengeluarkan dua amaran sesuatu yang berkaitan dengan kualiti produk dan 56 amaran berkaitan dokumentasi. Oleh itu, sejumlah lima kosmetik yang didapati dicampur palsu dan dicadangkan untuk membatalkan pendaftaran atau notifikasi kosmetik seperti yang tersenarai di Jadual 1. Senarai ini juga telah dipaparkan pada laman portal NPRA.


Table 1: List of Cosmetic Products Cancelled Due to Adulteration in 2015

Rajah 1: Senarai Produk Kosmetik yang Dibatalkan Tahun 2015

No	Nama Produk	No.Notifikasi	Bahan yang Terlarang
1.	Hans Beauty Flawless Day Cream	NOT130304286K	Merkuri

2.	Hans Beauty Flawless Night Cream	NOT130304287K	Merkuri
3.	Hans Beauty Treatment Toner	NOT130304284K	Hidrokuinone
4.	Royal Expect White Cream	NOT141006150K	Merkuri
5.	Anti Sensitiveness Essence	NOT130804064K	Mometasone

Oleh itu, pembatalan notifikasi yang dijalankan ke atas 698 produk kosmetik pada tahun 2015 atas sebab-sebab yang dinyatakan seperti dalam rajah 2 (Laporan Tahunan 2015).



Rajah 2: Sebab-sebab Dibatalkan Notifikasi (2015)

Figure 2: Reasons for Notification Cancellations (2015)

Pada tahun 2017, terdapat produk kosmetik yang telah dibatalkan notifikasi kerana mengandungi bahan yang terlarang seperti merkuri, hidrokuinoin dan tretinoin.

Bil	Nama Produk	No Notifikasi	Racun Berjadual yang	Nama Pemegang
-----	-------------	---------------	----------------------	---------------

			Dikesan	Notifikasi
1.	Moleek Day Cream	NOT150505422K	Merkuri	DZ Reenz Enterprise
2.	Adel Miracle Flawless Serum	NOT150805326K	Merkuri	Syahmi Empire Resources
3.	Ah Beauty Night Cream	NOT150702606K	Merkuri	Liaa Consultancy
4.	NDZ UV Whitening	NOT131204050K	Hidrokuinoin	Perniagaan Cahaya Hayati
5.	Snow Cream Normal	NOT151106109K	Hidrokuinoin dan tretinoin	Onew Cosmetics
6.	Snow Cream Sensatif	NOT151106110K	Hidrokuinoin dan tretinoin	Onew Cosmetics
7.	Dnara Nar Cream-Senatif	NOT150104341K	Hidrokuinoin	Rohban Trade Sdn.Bhd
8.	Ellfie Night Cream	NOT150203432K	Tretinoin	Ellfie Beauty

Jadual 2: Senarai Produk Kosmetik yang Dibatalkan Tahun 2017

Table 2: List of Cosmetic Products Cancelled Due to Adulteration in 2017

Sehubungan itu, Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 telah dikuatkan kuasa kepada produk kosmetik jika bertentangan dengan Peraturan ini akan dikenakan hukuman. Jika tersabit kesalahan, individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 hukuman denda yang tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kedua dan kesalahan berikutnya. Manakala, jika syarikat yang terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 50,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM 100,000 untuk kesalahan kedua dan kesalahan berikutnya (Chua t.th). Oleh itu, sistem notifikasi kosmetik



merupakan sistem berkeupayaan menyaring secara automatik (*auto screening*) dan menolak notifikasi kosmetik yang mengandungi bahan terlarang atau bahan yang melebihi syarat dan had yang dibenarkan. Produk kosmetik yang telah berjaya bernoifikasi sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak 119,769 produk (Noor Hisham 2017).

### **Kandungan yang Terlarang dalam Produk Kosmetik**

Produk kosmetik dituntut di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Garis Panduan Kawalan Produk Kosmetik di Malaysia. Sehubungan itu, yang terdapat di dalam garis panduan kawalan produk kosmetik adalah seperti bahan yang dinyatakan iaitu semua bahan yang tidak boleh digunakan dalam (annex II), bahan yang tidak dibenarkan melainkan mengikut syarat dan had yang dinyatakan (annex III Part I), manakala bahan yang dibenarkan bersyarat (Annex III Part 2), untuk pewarna (annex IV), Bahan awet (annex VI), UV Filter (annex VII) dan Poison List seperti Hidrokuinoin, merkuri, tretinoin dan asid azelaik (Nur Raihan 2014).

Pada tahun 2009, disenaraikan beberapa pencerahan kulit yang tidak dibenarkan kerana mengandungi bahan yang mudarat dan tidak selamat untuk pengguna. Panduan ini telah digariskan oleh Garis Panduan Kawalan Kosmetik di Malaysia. Terdapat bahan yang terlarang dalam penggunaan kosmetik iaitu hidrokuinon, tretinoin, merkuri dan asid azelaik :

#### **1. Hidrokuinon (*Hydroquinone*)**

Hidrokuinon didapati telah digunakan sejak tahun 1060-an oleh doktor sebagai rawatan pencerahan untuk kosmetik atau rawatan masalah pigmentasi (Puziah 2014; Nurhirza 2015; Norliza 2014). Sejak dari itu, kebanyakan produk penjagaan diri akan dicampurkan dengan hidrokuinon. Kuantiti hidrokuinon banyak digunakan dalam industri tahan karat, pencucian gambar, bahan dalam pembuatan polistirena dan pengeluaran getah. Sebarang produk kosmetik tidak dibenarkan mengandungi hidrokuinon jika terdapat bahan ini maka produk kosmetik itu dikategorikan sebagai bahan yang dicampur palsu. Jika bahan yang dicampur palsu terdapat di dalam produk kosmetik akan menyalahi Garis panduan kosmetik dan Peraturan kosmetik.

Menurut Lillian (2015) hidrokuinon dalam produk kosmetik yang dibenarkan hanya kepada sediaan kuku palsu bagi kegunaan professional sahaja. Bahan yang digunakan bersama dengan campuran lain iaitu *p-hydroxyanisole* akan berfungsi sebagai penstabil di dalam produk sediaan kuku palsu. Maka had kepekatan maksimum yang dibenarkan adalah sehingga 0.02% selepas dicampurkan dengan hidrokuinon (Nurhirza 2015). Oleh kerana itu di Amerika jika terdapat 2% hidrokuinon dalam penjualan produk kosmetik tidak dibenarkan (Puziah 2014). Di samping itu, jika salah satu produk kosmetik yang mengandungi hidrokuinon maka perlulah dielakkan daripada terkena kulit dan amaran itu perlu dinyatakan dengan jelas pada label. Risiko dalam penggunaan hidrokuinon boleh mengakibatkan kanser kulit (Yumi Zuhanis 2013). Selain itu mampu melumpuhkan sistem dalam ginjal (*nephrofati*), menyebabkan kanser hati dan kanser darah (leukemia) (Norliza:2014).

#### **2. Tretinoin**

Tretinoin merupakan vitamin A dalam bentuk asid iaitu deriavatif daripada vitamin A dan dikenali juga sebagai all-trans retinoic acid. Kegunaan tretinoin di permukaan kulit sebagai rawatan jerawat dan kulit yang terdedah pada cahaya matahari yang melampau. Kegunaan ini mengakibatkan kegatalan pada kulit dan boleh terjadi sel-sel kulit tumbuh dan mati dengan cepat, dan menyebabkan kecepatan pertukaran sel-sel. Maka terjadi lapisan kulit menjadi nipis dan menghilangkan jerawat. Ia juga dapat membantu mengurangkan kedutan dan mencerahkan yang gelap. Penggunaan rawatan dengan menggunakan tretinoin dalam produk kosmetik dan penjagaan diri tidak dibenarkan melainkan mendapat seliaan dari doktor dan mendapat surat kebenaran (Puziah 2014).

Bahan ini digunakan pada kulit dengan disapu pada tempat yang berkaitan seperti jerawat. Asid retinoik ini bertindak sebagai memperbaharui sel kulit dengan cepat tetapi terdapat kesan yang cepat iaitu menghakis permukaan kulit dan mengurangkan pembentukan komedo. Kesan penggunaannya dengan bermula kulit menjadi kemerahan dan mengelupas. Keberkesanan rawatan dapat dinilai 8-12 minggu. Tretinoin ini dinasihati jangan terdedah kepada sinar matahari semasa menggunakannya. Kepekatan yang digunakan hanya 0.05% dan bahan ini mestilah mendapat preskripsi doktor (Mohd Isa et.al 2009).

### 3. Merkuri

Menurut Puziah Hashim (2014) merkuri adalah salah satu bahan pencerah kulit yang terbaik. Pencerah kulit kebiasaannya mengandungi merkuri seperti *mercury (II) chloride* atau *ammoniated mercury* sebagai bahan yang aktif. Bahan merkuri ini telah digunakan pada awal tahun 1990 dalam produk sabun dan krim pemutih. Krim merkuri menyasarkan kepada orang yang berkulit gelap untuk mencerahkan bintik-bintik hitam pada kulit dan menghilangkan kegelapan kulit yang disebabkan oleh hiperpigmentasi. Pendedahan merkuri dan pengumpulan dalam tubuh akan menyebabkan kepada suatu penyakit. Kesan penggunaan merkuri akan menyebabkan kerosakan saraf terutama pada tangan. Keracunan merkuri menjadikan kulit pengguna bertukar warna kulit kepada kelabu dan untuk pengguna yang baharu, produk ini menyebabkan alahan yang teruk (Norliza 2014). Kesan mudarat pendedahan merkuri boleh terjadi kepada orang sekeliling terutamanya kepada kanak-kanak dengan bahan itu disapu pada kulit dan dihidu (Noor Hisham 2015).

### 4. Asid Azelaik

Menurut Puziah (2014) asid azelaik adalah sesuatu bahan yang boleh didapati secara semula jadi seperti bijiran iaitu gandum, rai, barli dan juga daripada mikroorganisme. Di Malaysia, penggunaan asid azelaik tidak dibenarkan dicampur di dalam produk kosmetik dan penjagaan diri sebagai produk pencerah kulit. Maka penggunaan asid ini diperlukan surat kebenaran daripada doktor di mana kandungan 15-20% untuk kepada penyakit kulit seperti melisma dan jerawat. Kesan pengambilan asid ini iaitu kulit menjadi merah dan gatal yang menyebabkan kulit menjadi menggelupas, melecet, miang dan rasa panas terbakar [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my), (NPCB 2009).

Justeru, pengetahuan kandungan dalam produk kosmetik sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup masyarakat daripada kemudaratan maka penekanan kepada keselamatan pengguna dan kebersihan penyediaan perlu dititikberatkan untuk mendapat kualiti tertentu dan memenuhi keperluan penggunaan dan keberkesanannya. Peraturan ini bertepatan dengan syariah kerana apa yang dinyatakan dalam peraturan sesuatu produk kosmetik perlu ada pelesenan dan pelabelan yang betul dengan berpandukan Garis Panduan Kosmetik di Malaysia dan sistem notifikasi yang mengesan bahan terlarang<sup>2</sup>.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya adalah maqasid syariah merupakan objektif syariah bagi tujuan memelihara sistem kehidupan ke arah kesejahteraan manusia. Oleh itu, dengan pemahaman yang jelas tentang maqasid akan menjadikan seorang Muslim dapat melakukan kebaikan dengan sempurna. Dengan ini, pemahaman maqasid syariah akan menjamin kesejahteraan manusia dengan jelas menunjukkan syariat Islam yang diturunkan membawa rahmat iaitu membawa kemaslahatan umat Islam. Sejalan itu, suruhan pasti mengandungi hikmah serta kebaikan manakala larangan akan mengandungi keburukan serta kemudaratan yang perlu di jauhi. Manakala analisis mendapati bahawa Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dapat melindungi pengguna daripada produk-produk yang berbahaya dan berisiko. Peraturan ini bertepatan dengan maqasid syariah yang memelihara manusia dari sudut agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, peraturan kosmetik ini membawa kepada keselamatan pengguna. Ini kerana Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 bersifat satu pencegahan yang bermatlamat untuk mengelak produk yang berbahaya daripada menembusi pasaran. Di samping itu, maqasid syariah merupakan perkara utama yang digunakan dalam penentuan keselamatan produk dalam Islam. Dan peraturan ini juga menyatakan pelesenan dan pelabelan pada sesuatu produk yang perlu dipatuhi oleh pemasar atau pengilang produk-produk kosmetik untuk meletak produk tersebut di pasaran. Di samping itu, Garis Panduan Kawalan Kosmetik di Malaysia melarang bahan-bahan terlarang daripada dicampur seperti yang perlu terdapat dalam produk-produk kosmetik seperti bahan yang terlarang contohnya hidrokuinon, merkuri dan tretinoin dan asid azelaik. Justeru, ia menepati maqasid syariah yang membawa kepada kebaikan dan menjauhi kemudaratan. Maqasid syariah membawa konsep keselamatan produk dalam Islam yang menggariskan bahawa setiap produk yang selamat untuk digunakan haruslah yang tidak memudaratkan dan tidak berbahaya kepada manusia.

## **Penghargaan**

Pengarang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof.Dr.Abdul Basir bin Mohammad pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia selaku penyelia di atas penyelidikan ini.

## **Rujukan**

al- Raysuni, Ahmad. 2014. *Madkhal ila Maqasid al-Shari'ah*. Cet 3. Qahirah : Dar al-Kalimah.

---

<sup>2</sup> Temu bual bersama Hirza Shaiful Bahri di Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) pada 18-05-2017

- Al-Zuhaily, Wahbah. 2005. *Usul Fiqh al-Islami*. Cet 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Arif Fathillah Bin Mohd Safar. 2011. *Analisis Terhadap Elemen Maqasid Al-Syariah Dalam Produk Takaful Ikhlas Di Malaysia*. Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Aznan Zuhid Zaidan. 2012. Maqasid Syariah dalam ICT. *Majalah Solusi Isu* #45.
- Berita Harian. 2013. Nasihat Usah Guna Produk Kosmetik Tabita.
- Berita Harian. 2015. Noor Hisham bin Abdullah. Pengguna Dinasihatkan Untuk Mengelakkan dari Menggunakan Produk Kosmetik yang Dikesan Racun Berjadual.
- Kausar Ahmad. 2015. *Manufacturing of Halal Pharmaceuticals*. Kuantan: IIUM Press.
- Kenyataan Akhbar Chua Jui Ming. t.th. Menteri Kesihatan Malaysia. Penetapan Tarikh Mula Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 Untuk Keluaran-Keluaran Kosmetik
- Laporan Tahunan. Agensi Regulatori Farmasi Negara. 2015. Bahagian Farmasi Kebangsaan. [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my)
- Lillian C. Berker. 2015. *Cosmetic Ingredient Review, Amended Safety Assessment of Hydroquinone as Used in Cosmetics*. <http://www.cir-safety.org> [23/5/2017].
- Metro. 2017. Kosmetik Guna Hidrokuinon Hakis Kulit Muka. Oleh Mohd Sofian @ Ahmad Sofian Othman, Syed Nabil bin Syed Abdul Nasir. Pegawai Farmasi Penguat kuasa JKN Sabah.
- Mohamad Isa Abd Majid, Wan Zainal Azman Wan Abdullah, Mohamed Izham Mohamed Ibrahi. 2009. *Kosmetik dan Anda*, cet 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazatul Nabila Mohd Jalil, Zalina Zakaria. 2016. Keselamatan Produk Farmaseutikal dalam Perundangan Malaysia dan Syariah : Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research* (2016) vol. 1 (2) 187-200.
- Noor Hisham Abdullah. 2017. Kenyataan Akhbar KPK 21 Januari 2017 – Kawalan dan Tindakan Oleh KKM Ke Atas Produk Kosmetik di Pasaran.
- Noor Hisham Abdullah. 2017. Kenyataan Akhbar KPK 22 Mac 2017 – Produk-Produk Kosmetik Yang Dikesan Mengandungi Racun Berjadual.
- Nor Hanani Ahmad, Asmak Ab Rahman, Nuurshiraathal Firdaws Abd Rani. 2017. Maqasid Al-Syariah dalam Penawaran Produk Takaful Wanita: Kajian Di Pengendali Takaful Terpilih. *Shariah Journal*, Vol. 25, No. 1 (2017) 23-50.

- Nora'nan Bahari, Ahmad Hidayat Buang. 2016. Penggunaan Maqasid Syariah Dalam Fatwa Muamalat Di Malaysia: Kajian Literatur. *Journal of Shariah Law Research* (2016) vol. 1(1) 1-18.
- Norliza Abdul Wahab. 2014. Alternatif Kosmetik Halal Bersumberkan Koko. *Isu Halal Kontemporari*. Universiti Putera Malaysia: Serdang.
- NPCB (National Pharmaceutical Control Bureau). 2009. *Guidelines for Control of Cosmetic Product in Malaysia*. Malaysia : Ministry of Health.
- Nurhirza Shaiful Yamin. 2015. Hydroquinone dalam sediaan kosmetik.
- Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.
- Puziah Hashim, Nur Raihan Abd Rahim. 2014. *Gincu : Bahan, Formulasi dan Persoalan Halal*. Universiti Putera Malaysia : Serdang.
- Puziah Hashim. 2014. *Pencerahan Kulit : Sumber Bahan dan Isu Produk Halal*. *Isu Halal Kontemporari*. Universiti Putra Malaysia : Serdang.
- Senarai Racun Berjadual. <http://www.pharmacy.gov.my/>.
- Yun Zuhani Has-Yun Hashim. 2013. *Halal All That You Need to Know*. Vol 1. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.